

Mahathir alu-alukan kenyataan Anwar

KUALA LUMPUR 11 Jun — Presiden UMNO, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengalu-alukan kenyataan Dato' Sri Anwar Ibrahim bahawa beliau tidak akan mencabar Encik Ghafar Baba untuk jawatan Timbalan Presiden.

Kata Dr. Mahathir, Anwar telahpun mengemukakan bahawa beliau tidak akan bertanding untuk jawatan Timbalan Presiden dan setakat yang beliau tahu, tidak ada siapapun yang bercadang hendak bertanding untuk jawatan Presiden.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini hari ini.

Spekulasi

Adalah dipercayai Dr. Mahathir membuat kenyataan itu untuk meredakan pelbagai spekulasi dan kehangatan berhubung pertandingan jawatan tinggi dalam perhimpunan agung parti November depan.

Turut hadir pada sidang akhbar itu ialah naib-naib presiden, iaitu Anwar, Dato' Abdullah

Ahmad Badawi dan Dato' Sri Sanusi Junid.

Mengenai calon-calon untuk jawatan tertinggi beliau berkata, "Saya tidak merestui sesiapapun bertanding untuk mana-mana jawatan. Kalau ada cakap-cakap di bawah kononnya saya merestui sesiapa, ini tidak benar sama sekali," katanya.

Pertandingan

Dr. Mahathir mengesahkan bahawa mesyuarat MT UMNO hari ini menyentuh mengenai persiapan mesyuarat agung UMNO yang akan

berlangsung November depan.

Menyentuh mengenai amalan pertandingan jawatan-jawatan dalam UMNO beliau berkata, "kita bertanding demi kebaikan seluruh ahli dan parti."

Menurut Dr. Mahathir, UMNO pada masa ini berada dalam keadaan cukup stabil dan pendapat yang mengatakan UMNO berpecah dua atau tiga adalah pendapat orang yang tidak berempati dengan UMNO.